



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 31 MAC 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PGA RAMPAS KURA-KURA ALBINO, IKAN EMAS, IKAN LAGA SELUDUP BERNILAI RM73,200, NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -25	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
2. 3.	KEHADIRAN IKAN LUMBA-LUMBA TARIKAN BAHARU, NASIONAL, BH -21 TWO FISHERMEN MISSING IN KERIAN WATERS, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -5	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4. 5. 6. 7.	RONALD KIANDEE SUMBANG BANTUAN KEMBALI KE SEKOLAH, ENJIN SANGKUT KEPADA KUMPULAN SASAR, KOMUNITI KITA, UM -33 NAFAS BANTU 7,000 PELJAR DI BELURAN, NASIONAL, SH -10 MAFI, NAFAS BERI SUMBANGAN RM580,000, KOSMO -ONLINE NAFAS SAMPAIKAN BANTUAN KEPADA 7,000 PELAJAR DI BELURAN, BERNAMA -ONLINE	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
8.	RONALD KIANDEE SUMBANG BANTUAN KEMBALI KE SEKOLAH, ENJIN SANGKUT KEPADA KUMPULAN SASAR, KOMUNITI KITA, UM -33	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17.	PPK KUALA LANGSAT PASAR HASIL LADANG DENGAN APLIJASI SHOPEE, EKONOMI, UM -36 REZEKI KERANG NELAYAN PONTIAN, NEGARA, KOSMO -18 PENGUSAHA RUGI, RIBUAN IKAN PATIN MATI, NEGERI PAHANG/SELANGOR/KL, SH -24 PAHANG FISH FARMS SUFFER LOSSES, NEWS/NATION, NST -10 TAUKE SAYUR WARGA ASING BERPOTENSI JADI 'KARTEL', DALAM NEGERI, UM -30 WARGA ASING TINGGALKAN KEBUN SEMASA PKP, DALAM NEGERI, UM -30 CAMERON HIGHLANDS TERKAWAL, DALAM NEGERI, UM -30 LEBIH 20,000 IKAN PATIN, TILAPIA MATI, DALAM NEGERI, UM 29 SINDIKET SELUDUP BERAS INDIA TUMPAS, DALAM NEGERI, UM -29	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/3/2021	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU/ KELANTAN	25

PGA rampas kura-kura albino, ikan emas, ikan laga seludup bernilai RM73,200



Sebahagian daripada ikan emas dan laga yang berjaya dirampas.

RANTAU PANJANG - Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 9 merampas kura-kura albino, ikan emas dan ikan laga dianggarkan bernilai RM73,200 yang diseludup ke negara ini di pangkalan haram Hassan Merah pada Isnin.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 9, Superintendan Nor Azizan Yusof berkata, rampasan haiwan itu dilakukan pada jam 3 pagi selepas melakukan pemeriksaan ke atas sebuah kereta jenis Nissan Latio yang tidak berkunci dan ditinggalkan di kawasan pangkalan haram Hassan Merah di sini.

“Kesemua haiwan tersebut dibungkus menggunakan guni putih dan diletakkan di tempat duduk penumpang belakang serta ruangan

penyimpanan barang.

“Pemeriksaan lanjut ke atas guni itu membawa kepada penemuan 20 ekor kura-kura albino, ikan emas (350 ekor) dan laga (545 ekor),” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Nor Azizan berkata, kesemua barangan rampasan itu akan diserahkan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Rantau Panjang untuk tindakan lanjut.

Katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 11(1) Akta Maqis 2011.

“Siasatan awal mendapati kesemua haiwan itu dipercayai diseludup dari negara jiran menggunakan pangkalan haram tersebut,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/3/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	21

Kehadiran ikan lumba-lumba tarikan baharu

Kuala Selangor: Kehadiran ikan lumba-lumba yang semakin kerap di perairan sini menjadi tarikan baharu.

Malah rakaman video ikan itu berenang di daerah ini tular di laman sosial sejak kelmarin.

Rakaman berdurasi satu minit 29 saat itu memaparkan aksi seekor ikan lumba-lumba yang dikongsi menerusi akaun Facebook Love Kuala Selangor serta mendapat pelbagai reaksi daripada warganet.

Namun, fenomena itu adalah biasa bagi golongan nelayan dan Jabatan Perikanan Selangor terutama di perairan Kuala Selangor sehingga Pelabuhan Klang.

Pengarahnya, Abdul Rahman Abdul Wahab, berkata kebiasaannya spesies marin itu boleh dilihat di perairan berkenaan pada bulan Februari.

Beliau berkata, ikan lumba-lumba berkenaan akan bergerak dari Utara (Kuala Perlis) ke Selatan (Johor).

"Menurut pakar mamalia marin, ada tiga spesies lumba-lumba di perairan Selat Melaka.

"Tiga spesies itu ialah *Indo-pacific humpback*, *Irrawaddy* dan *Indo-pacific finless porpoise*," katanya, semalam.

Abdul Rahman berkata, pihaknya menerima aduan berhubung bangkai ikan lumba-lumba (Finless Porpoise) yang terdampar di Pantai Acheh, Pantai Indah pada 9 Mac lalu.

Kebiasaannya spesies marin itu boleh dilihat di perairan berkenaan pada bulan Februari.

Abdul Rahman Abdul Wahab,
Pengarah Jabatan Perikanan Selangor

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/3/2021	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	5

Two fishermen missing in Kerian waters

PARIT BUNTAR: Two fishermen were reported missing in separate incidents in the waters of Kerian in Perak.

Kuala Kurau Maritime Zone deputy director (Operations) maritime lieutenant Mohd Faiz Sujari said in the first incident, which occurred at about 9.40pm on Monday, an Indonesian man, identified as Gong Drong, went missing after his boat overturned in Kuala Gula due to bad weather.

Two of the victim's local friends, who were also in the boat laden with mangrove wood, saved themselves by clinging on to a nearby fish cage, Mohd Faiz told reporters at the Kuala Kurau Marine Police Base Jetty yesterday.

He said a search and rescue (SAR) operation was activated soon after receiving a report.

Meanwhile, a local fisherman Cheah

Teang Kee, 61, was also reported missing after he is believed to have fallen into the sea from his boat while catching fish at about 3am yesterday in Tanjung Piandang.

Mohd Faiz said based on preliminary information, the victim went fishing alone at 2pm on Monday before his boat was found drifting by other fishermen about eight nautical miles west of Tanjung Piandang.

The SAR operation for the two men involved 17 personnel of the Malaysian Maritime Enforcement Agency, Pengkalan Kuala Kurau Marine Police Force, Fisheries Department, Fire and Rescue Department and the Civil Defence Force.

The Kerian district fishing community are also assisting in the search, he said. - Bernama



Ronald Khandee sumbang bantuan Kembali Ke Sekolah, enjin sangkut kepada kumpulan sasaran

MENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Dr. Ronald Khandee semalam menyerahkan bantuan Kembali Ke Sekolah menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) secara menyeluruh kepada golongan sasaran di kawasan Parlimen Beluran, Sabah.

Bantuan tersebut bagi membantu kumpulan sasaran dalam kalangan ahli keluarga petani, penternak dan nelayan bagi meringankan beban keluarga yang berpendapatan

rendah terutama ketika persediaan anak-anak ke sekolah.

Bagi tujuan itu, Nafas memperuntukkan sumbangan berjumlah RM580,000 bagi program *Kembali Ke Sekolah* di seluruh negara manakala bagi kawasan Parlimen Beluran, program tersebut melibatkan 7,000 pelajar daripada 60 buah sekolah rendah.

Sumbangan bantuan berupa kelengkapan persekolahan antaranya beg, buku dan alat tulis kepada setiap penerima. Ronald turut menyampaikan 13 buah

enjin sangkut kepada penerima yang layak.

Ronald menjelaskan bahawa kerajaan melalui beberapa pendekatan terbaharu terus memperkasa peranan NAFAS dengan melantik agensi itu sebagai pemborong tunggal dalam program Insentif Benih Padi Sah (IBPS).

■ **DR. Ronald Khandee** (dua, kiri) menyerahkan sumbangan kepada seorang pelajar pada majlis penyampian di Dewan Pertubuhan Peladang Kawasan Beluran, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/3/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	10

Nafas bantu 7,000 pelajar di Beluran

BELURAN - Kira-kira 7,000 pelajar daripada 60 sekolah dalam Parlimen Beluran di sini menerima bantuan Program Balik Ke Sekolah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) pada Selasa.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, Nafas menyediakan peruntukan RM580,000 pada tahun ini untuk pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat (CSR).

“Penyampaian bantuan dilaksanakan secara berperingkat di seluruh negara mulai Januari lepas dan sumbangan diberikan merupakan kelengkapan persekolahan termasuk beg, buku serta alat tulis kepada golongan sasar khususnya dalam kalangan ahli keluarga petani, penternak dan nelayan,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan itu di sini.

Katanya, Nafas prihatin dan mengambil berat dalam meringankan beban keluarga yang berpendapatan rendah terutama ketika persediaan anak-anak mahu ke sekolah.

“Dalam mendepani situasi semasa yang mana pandemik Covid-19 yang masih belum berakhir ini, adalah diharapkan bantuan yang disampaikan sedikit sebanyak dapat membantu golongan yang memerlukan terutama dalam membuat persiapan awal persekolahan anak mereka,” kata beliau lagi.

Menurut Ronald, pemberian sumbangan itu bukan sahaja untuk menyalurkan bantuan kepada ahli-ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (Peladang) sebaliknya kepada masyarakat setempat.

“Hal ini dibuktikan hasil keuntungan yang dijana oleh Nafas, bukan sahaja dikembalikan kepada lebih 900,000 ahli Peladang sebaliknya dikongsi juga bersama-sama seluruh rakyat yang memerlukan, misalnya 13 enjin sangkut turut disampaikan kepada penerima yang layak,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/3/2021	KOSMO	ONLINE	

MAFI, Nafas beri sumbangan RM580,000



PETALING JAYA – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan kerjasama Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) memberi sumbangan sebanyak RM580,000 serta 13 buah enjin bagi program Back To School dan Enjin Sangkut di Dewan Pertubuhan Peladang Kawasan Beluran, Sabah hari ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, bantuan Back To School itu merupakan satu program tanggungjawab sosial korporat

(CSR) Nafas.

“Sumbangan ini disasarkan kepada kalangan ahli keluarga petani, penternak dan nelayan dalam membantu meringankan beban keluarga yang berpendapatan rendah bagi menyiapkan anak-anak ke sekolah.

“Ia juga selari dengan komitmen MAFI untuk memastikan kebajikan golongan ini sentiasa mendapat perhatian kerajaan,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Tambahnya, seramai 7,000 pelajar dari 60 buah sekolah rendah menerima bantuan berupa kelengkapan persekolahan serta 13 buah enjin sangkut kepada penerima yang layak. – K! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/3/2021	BERNAMA	ONLINE	

NAFAS sampaikan bantuan kepada 7,000 pelajar di Beluran



Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee memakaikan beg sekolah kepada salah seorang pelajar pada majlis Jom Ke Sekolah dan penyampaian enjin sangkut anjuran Pertubuhan Peladang Kebangsaan hari

ini. Turut hadir Pegawai Pendidikan Beluran Sharif Mahada Sharif Attar (kiri), Timbalan Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Sabah Negeri Sabah Abdul

Razak Said (kanan) dan Pengurus Besar Pertubuhan Peladang

Kebangsaan (NAFAS) Abu Sujak Sahuji (dua, kanan). BELURAN, 30 Mac -- Kira-kira 7,000 pelajar daripada 60 sekolah dalam Parlimen Beluran di sini, menerima bantuan Program Balik Ke Sekolah (CSR) Pertubuhan

Peladang Kebangsaan (NAFAS), hari ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata NAFAS menyediakan peruntukan RM580,000 pada tahun ini untuk

pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

"Penyampaian bantuan dilaksanakan secara berperingkat di seluruh negara mulai Januari lepas dan sumbangan diberikan merupakan kelengkapan persekolahan

termasuk beg, buku serta alat tulis, kepada golongan sasaran khususnya dalam kalangan ahli keluarga petani, penternak dan nelayan," katanya kepada pemberita

selepas menyampaikan bantuan itu di sini.

Katanya, NAFAS prihtan dan mengambil berat dalam meringankan beban keluarga yang berpendapatan rendah terutama ketika persediaan anak-anak mahu ke

sekolah.

"Dalam mendepani situasi semasa di mana pandemik COVID-19 yang masih belum berakhir ini, adalah diharapkan bantuan yang disampaikan pada hari ini sedikit

sebanyak dapat membantu golongan yang memerlukan terutama dalam membuat persiapan awal persekolahan anak mereka," katanya lagi.

Menurut Kiandee, pemberian sumbangan itu bukan sahaja untuk menyalurkan bantuan kepada ahli-ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (Peladang) sahaja

sebaliknya kepada masyarakat setempat juga.

"Hal ini dibuktikan hasil keuntungan yang dijana oleh NAFAS, bukan sahaja dikembalikan kepada lebih 900,000 ahli Peladang, sebaliknya dikongsi juga bersama-sama seluruh rakyat yang

memerlukan, misalnya hari ini juga, 13 buah enjin sangkut turut disampaikan kepada penerima yang layak," katanya.

Katanya sementara itu, semua lapisan masyarakat dinasihatkan mendaftar bagi mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 melalui aplikasi My Sejahtera atau laman

sesawang khas di www.vaksinovid.gov.my.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/3/2021	BERNAMA	ONLINE	

FAMA, Shopee lancar kempen 'Bouquet For Frontliners@MAFI Prihatin'

hargai petugas barisan hadapan



KUALA LUMPUR, 29 Mac -- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dengan kerjasama platform e-dagang Shopee melancarkan kempen 'Bouquet For

Frontliners @ MAFI Prihatin' yang memberi peluang rakyat Malaysia menyampaikan penghargaan kepada petugas barisan hadapan dalam memerangi penularan

pandemik COVID-19.

FAMA dalam kenyataan hari ini memaklumkan, rakyat Malaysia boleh menzahirkan penghargaan itu dengan membuat tempahan gubahan bunga bersama produk

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di platform Shopee bermula 15 Mac hingga 15 April depan.

3/30/2021 BERNAMA - FAMA, Shopee lancar kempen 'Bouquet For Frontliners@MAFI Prihatin' hargai petugas barisan hadapan

"Secara tidak langsung ia dapat membantu meningkatkan pendapatan pengusaha orikultur dan usahawan industri makanan yang terjejas ketika Perintah Kawalan

Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan," menurut kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, terdapat empat pakej produk ditawarkan iaitu Pakej Bouquet RM60, Pakej Bouquet RM100, Pakej Basket RM150 & Pakej Basket RM180 dan

FAMA turut menawarkan baucar tunai sebanyak 16 hingga 20 peratus.

Belian adalah secara prapesanan dan akan dihantar kepada petugas barisan hadapan di lokasi ditetapkan di sekitar Lembah Klang seperti hospital yang disenaraikan

oleh pihak Kementerian Kesihatan (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Sementara itu, microsite eFAMA juga telah dibangunkan di platform Shopee.com dengan sebanyak 1,000 kedai dalam talian yang menjual produk agromakanan dan

bunga-bunga menyertai eFAMAPlace.

"Bagi usahawan yang belum memiliki kedai dalam talian, FAMA dan Shopee.com akan menganjurkan bengkel secara dalam talian melalui Shopee Universiti untuk

membimbing mereka membina dan mengurus kedai dalam talian tersebut.

"FAMA akan melaksanakan beberapa bentuk kempen dan program promosi untuk meningkatkan kesedaran pengguna dan seterusnya menjana nilai jualan kepada

usahawan yang terlibat,"katanya.

-- BERNAMA

31/3/2021

UTUSAN
MALAYSIA

EKONOMI

36

PPK Kuala Langat pasar hasil ladang dengan aplikasi Shopee

KUALA LANGAT: Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat mengorak langkah dalam bidang pemasaran digital dengan memasarkan 18 hasil ladang melalui platform e-dagang, Shopee.

Antara produk yang boleh dipesan melalui aplikasi tersebut ialah sayur-sayuran segar seperti cili merah, halia, lengkuas, tomato dan lain-lain.

Menurut Pengurus Besar PPK Kuala Langat, Shakran Shamudin (gambar), pibakunya telah

menggunakan perkhidmatan tersebut hampir tiga bulan.

"Pesanan 18 produk hasil ladang tersebut datang dari Lembah Klang dan paling jauh dari Terengganu.

"Buat masa ini maklum balas adalah baik apabila barang yang tiba kepada pelanggan berada dalam keadaan baik kerana dimuatkan dalam kotak khas," katanya ketika ditemui di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL) di Teluk Panglima Garang hari ini.

Shakran berkata, walaupun sebelum ini sudah ada pibak pasar raya besar yang menghantar pesanan sayur-sayuran dengan kaedah pesanan melalui dalam talian, pibakunya komited untuk memastikan hanya produk yang benar-benar segar diterima pengguna.

Katanya, sebelum mengadakan kerjasama dengan pihak Shopee, PPK Kuala Langat telah membuat pesanan percubaan ke beberapa destinasi merentas daerah dan negeri.

"Alhamdulillah semua pesanan diterima dalam keadaan baik. Sebelum ini pasar raya besar mampu melakukan penghantaran lebih 20,000 unit produk daripada ladang dan transaksi sebegini bukan sesuatu yang baharu.

"Cuma apa yang ingin saya sampaikan PPK Kuala Langat juga mampu memasarkan produk daripada ladang untuk manfaat rakyat seluruh Malaysia bukan untuk daerah ini sahaja," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/3/2021	KOSMO	NEGARA	18

Rezeki kerang nelayan Pontian

PONTIAN – Kedatangan musim menyauk kerang di beberapa kawasan di daerah ini dianggap sebagai 'durian runtuh' kepada nelayan walaupun tempoh kebenaran untuk menjalankan aktiviti itu hanya diberikan selama sebulan atau dua bulan.

Aktiviti berkenaan dibuat seajar pengiktirafan Daerah Pontian sebagai hab kerang negara berdasarkan kepada kuantiti dan kualiti hidupan laut itu yang cukup memberangsangkan.

Mustafa Mantong, 64, dari Pengkalan Nelayan Tampok Laut berkata, kumpulan nelayan di pengkalan berkenaan telah mula melakukan kerja-kerja menyauk kerang di persisiran laut Tampok sejak dua minggu lalu.

Katanya, seramai 25 nelayan terlibat dengan kerja-kerja menyauk kerang yang bersaiz 24 hingga 26 milimeter (mm) dengan anggaran pengeluaran kira-kira 10 hingga 15 tan sebulan.

"Seramai 40 nelayan pula melakukan kerja-kerja menyauk benih kerang dengan kebenaran oleh Jabatan Perikanan selama



ANTARA kerang yang diperolehi nelayan dari pesisiran laut Tampok, Pontian baru-baru ini.

dua minggu berbanding sebulan bagi kerja-kerja menyauk kerang biasa.

"Dengan adanya kerja-kerja

menyauk kerang, ia dapat menambah pendapatan nelayan yang selama ini bergantung kepada hasil tangkapan ikan, udang dan sebagainya" katanya ketika ditemui Kosmo! di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Pengerusi Kumpulan Ekonomi Nelayan Ayer Baloi, Dawik Mohd. Ali, 57, berkata, kerja-kerja menyauk kerang di kawasan yang dibenarkan telah bermula sejak minggu lalu.

Katanya, kerja-kerja menyauk kerang melibatkan seramai 35 orang nelayan di kawasan seluas 200 ekar di laut Ayer Baloi yang boleh menghasilkan pengeluaran kerang sebanyak 10 tan dalam tempoh sebulan.

Jelas Dawik, setiap kumpulan nelayan mampu menyauk kira-kira 50 kilogram (kg) kerang dengan harga ketika ini dianggarkan RM6.50 bagi satu kg.

"Jika dibahagikan antara mereka, seorang nelayan mampu memperoleh pendapatan RM100 sehari atau RM3,000 sebulan," jelasnya.

Pengusaha rugi, ribuan ikan patin mati

Punca tidak diketahui,
mahu pihak terlibat
ambil tindakan
sewajarnya

Oleh ROSILAWATI ROSEDI

JERANTUT

Beberapa pengusaha ikan sangkar di Sungai Pahang dekat Kampung Lada di sini bingung berikutan ribuan ikan khususnya patin yang diternak mati sejak Ahad lalu.

Difahamkan terdapat kira-kira 40 pengusaha ikan sangkar di kampung tersebut.

Salah seorang pengusaha, Afzalrullah Isharum, 28, berkata, kira-kira 18,000 ekor ikan patin miliknya mati.

Menurutnya, ia kejadian kali kedua dihadapinya, namun berbeza dengan situasi kali pertama pada 2014 kerana banjir besar pada tahun tersebut.

"Kali ini memang saya dan pengusaha sangkar ikan di kampung ini bingung dan tidak tahu punca ikan mati banyak sebegini tapi keadaan air memang sangat keruh sejak beberapa hari lalu.

"Saya mengalami kerugian kira-kira RM30,000 selepas hampir semua 16 sangkar yang dimiliki terjejas," katanya pada *Sinar Harian* pada Selasa.

Afzalrullah berkata, dia dan



Ribuan ikan patin yang diusahakan beberapa pengusaha di Sungai Pahang dekat Kampung Lada, Jerantut yang mati sejak beberapa hari lalu.



Kamarulzaman menunjukkan sebahagian ikan yang mati di sangkar miliknya di Sungai Pahang dekat Kampung Lada, Jerantut.

pengusaha lain berharap dapat mengetahui punca sebenar kejadian tersebut.

"Hari ini (Selasa) Jabatan Perikanan akan datang untuk mengambil sampel air," katanya

yang mengusahakan perniagaan keluarga yang berusia lebih 20 tahun.

Sementara itu, seorang lagi pengusaha, Kamarulzaman Rusly, 29, berkata, dia bernasib baik kerana belum meletakkan benih ikan pada salah satu sangkar yang diusahakan.

"Saya baru menyewa dan memelihara ikan sangkar di sini lima bulan lalu.

"Cuma satu sangkar terjejas, namun ribuan juga ikan yang mati sejak beberapa hari lalu," dakwanya.

Mengakui terkejut kerana kali pertama berdepan situasi tersebut, Kamarulzaman berharap pihak terlibat dapat mengambil tindakan sewajarnya.

CAUSE NOT KNOWN

PAHANG FISH FARMS SUFFER LOSSES

Thousands of caged 'ikan patin' found dead as fish farmers cry foul over sudden murky river water

T.N. ALAGESH
JERANTUT
news@nst.com.my

THOUSANDS of caged fish were found dead at farms along Sungai Pahang near Jerantut Feri here since Sunday, with breeders estimating more than RM100,000 in losses.

Caged fish entrepreneurs were yesterday forced to clean and remove the floating *ikan patin* (silver catfish) carcasses from their farms, with a number of farms along the stretch crying foul over the sudden murky river water.

Mohamad Bakri Zulkefli, 33, said he suffered losses of more than RM18,000 when some 1,500 *patin* reared in three cages died on Sunday.

"I am upset as these fish were ready to be

sold within the next few days. The ones reared in other cages, including fish fry and medium-sized ones, survived.

"I have been operating the farms since 2015. This is the first time I am experiencing such an unusual situation.

"At first, I assumed it was due to the rainy weather upstream and murky river water but yesterday (Monday), several other breeders complained that they too were affected."

Bakri, from Kampung Perlas near Jerantut Feri, said checks at nearby farms revealed that some 20 breeders, including some operating upstream, were also affected by the incident.

"One of them managed to gather about three tonnes of dead fish from his cages while another friend lost about 20,000 fish.

"Business has been slow over the past few months and now we have to suffer more losses," he said, adding that the affected breeders had lodged reports at the Jerantut police station yesterday.

Pahang Fisheries Department director Abdullah Jaafar said the department took samples from the farms to determine the cause of the incident.



A fish farmer picking up the 'ikan patin' carcasses from their cages along Sungai Pahang near Jerantut yesterday. PIC COURTESY OF FISH FARM OPERATORS

Tauke sayur warga asing berpotensi jadi 'kartel'

Oleh AIN SAFRE BIDIN

utusannews@mediamula.com.my

BAGAN DATUK: Warga asing yang menguasai ladang-ladang sayur khususnya di utara tanah air berpotensi menjadi 'kartel' dan menguasai industri pertanian negara jika kegiatan mereka tidak dihentikan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Eksekutif IGROW, Nordin Abdul Malek berkata, malah ketika ini pun kemungkinan sudah wujud kartel dalam kalangan warga asing apabila mereka meneroka tanah milik penduduk tempatan selain menjadi tauke kebun sayur-sayuran.

Katanya, melihatkan keadaan itu, tiada jaminan pendapatan asing terlibat tidak menguasai sektor pertanian pada masa akan datang.

"Tidak mustahil mereka ini menjadi kartel dalam industri pertanian negara, sekarang ini pun sudah berlaku.

"Katakan apabila berlaku masalah tak cukup bekalan sayur, mereka inilah yang menguasainya ketika itu," katanya ketika ditemui semasa melawat projek tanaman cili fertigasi di Rungkap, dekat sini semalam.

Mengenai aktiviti warga asing itu memberi keuntungan kepada rakyat kerana menjual



NORDIN Abdul Malek (dua dari kanan) ketika melawat projek tanaman cili fertigasi di Rungkap, Perak.

sayur-sayuran dengan harga lebih murah, Nordin berkata, sebenarnya negara mengalami kerugian kerana aktiviti seumpama itu.

Katanya, warga asing berkenaan tidak memiliki syarikat termasuk permit.

"Memang betul mereka menjual hasil tanaman dengan harga yang murah dan menguntungkan pengguna tetapi sebenarnya perkara ini menyebabkan kita kerugian banyak aspek kerana mereka tidak memberikan pulangan dari segi cukai kepada negara," katanya.

Nordin berkata, untuk mengatasi masalah itu, penguat-

kuasaan yang serius perlu dilaksanakan sebagai penyelesaian jangka masa pendek.

Katanya, untuk penyelesaian jangka panjang, kerajaan perlu menyusun semula program pembangunan pertanian khususnya industri makanan secara komprehensif.

"Ia melibatkan tenaga kerja dalam negara terutama dalam golongan muda yang perlu ditingkatkan. Sudah tiba masanya kerajaan menerapkan nilai-nilai pertanian sejak di bangku sekolah supaya mereka yang didekahkan ini terlibat dengan sektor pertanian secara komersial," katanya.

Menurutnya, selain itu, kerajaan perlu menggalakkan kempen makan makanan tempatan supaya dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang negara beransur-ansur mengurangkan makanan import dan dapat mengisi tenaga tempatan dalam bidang pertanian secara berperingkat.

Semalam, *Utusan Malaysia* menyiarkan laporan warga asing terutama Bangladesh dan Indonesia semakin berani 'melanggar' sektor selain daripada yang dibenarkan mereka bekerja di negara ini termasuk mulai menguasai ladang-ladang sayur khususnya di utara tanah air.

Cameron Highlands terkawal

KUANTAN: Kebarangkalian terdapat warga asing menguasai ladang-ladang sayur di Cameron Highlands adalah terlalu kecil melainkan golongan itu 'curi-curi' mengusahakannya secara pencerobohan haram atau dengan kerjasama orang tempatan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ahli Parlimen Cameron Highlands, Ramli Mohd. Nor berkata, kegiatan itu dipantau dan diberi perhatian sewajarnya menerusi Jawatankuasa Tindakan Cameron Highlands.

Beliau berkata, jawatankuasa berkenaan dipengerusikan Pegawai Daerah Cameron Highlands dan dianggotai agensi penguat kuasa seperti Jabatan Imigresen, Polis Diraja Malaysia (PDRM), pihak berkuasa majlis daerah, Pejabat Tanah Cameron Highlands dan Jabatan Perhutanan.

"Ahli Parlimen Cameron Highlands juga adalah ahli jawatan kuasa itu. Insya-Allah dengan tekad integriti tinggi perkara ini dapat dihindari daripada berlaku.

"Tindakan keras juga akan disyorkan diambil terhadap pengusaha dan pencerobohan," katanya di sini semalam.

Sementara itu, Setiausaha Pertubuhan Pekebun-pekebun Sayur Cameron Highlands, Chay Ee Mong berkata, kegiatan sedemikian di pusat peranginan tanah tinggi itu adalah terkawal kerana syarat ketat ditetapkan kerajaan negeri terhadap pemilik Lesen Pendudukan Sementara (TOL).

"Tanah TOL yang dimiliki juga tidak boleh untuk disewakan, jika hendak berbuat demikian perlu mendapat kelulusan kerajaan negeri. Kadar sewa RM4,500 setahun untuk 0.4 hektar tanah.

"Saya boleh katakan, isu salah guna tanah TOL di Cameron Highlands boleh dikatakan kurang berlaku ketika ini disebabkan aspek kawalan dan penguatkuasaan yang ketat dilakukan," katanya.

Beliau berkata, perkara itu berlaku mungkin disebabkan kurangnya tenaga buruh yang akhirnya memaksa pemilik tanah menyewakan kepada warga asing.

Warga asing tinggalkan kebun semasa PKP

Oleh ZAID MOHD. NOOR

dan OTHMAN YAHAYA
utusannews@mediamula.com.my

ALOR SETAR: Kebanyakan warga Bangladesh dan Myanmar yang menjadi tauke kebun sayur di negeri ini 'menghilangkan diri' ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak setahun lalu.

Utusan Malaysia difahamkan, sebahagian warga Bangladesh yang mengusahakan kebun sayur-sayuran secara 'ali baba' itu ditangkap oleh agensi penguat kuasa.

Antara kawasan menjadi tumpuan warga asing mengusahakan kebun sayur di negeri ini terletak di Sungai Petani dan Kulim.

Bercakap kepada *Utusan Ma-*



CHE ANI MAT ZAIN

laysia, Pengerusi Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada), Che Ani Mat Zain berkata, mereka sebelum ini didapati mengusahakan kebun sayur di tanah

milik kerajaan dan tanah penduduk tempatan.

Malah, katanya, sebahagian daripada mereka pula menanam sayur di bawah talian kebal elektrik.

"Saya difahamkan sebelum ini kira-kira 50 warga Bangladesh di sekitar negeri ini yang mengusahakan kebun sayur tetapi di kawasan yang tidak begitu luas.

"Mereka menanam sayur untuk dijual kepada beberapa pemborong dan mendapat hasil lumayan. Bagaimanapun, kebanyakannya menanam sayur untuk menambah pendapatan, selain bekerja di kilang dan buruh binaan," katanya.

Namun, Che Ani memberitahu, pada masa ini, kelibat warga Bangladesh yang mengusaha-

kan tanaman sayur telah hilang pada awal musim PKP tahun lepas.

"Kemungkinan pergerakan mereka agak terbatas semasa PKP menyebabkan tidak dapat berulang-alik ke kebun sayur tersebut. Ini kerana kebanyakannya tidak tinggal di kawasan kebun sayur tersebut," ujarnya.

Sementara itu, tinjauan di 11 kebun sayur di Kampung Tok Soh dan Pantai Prai di sini pula mendapati kira-kira 100 warga Myanmar bekerja di kebun berkenaan.

Kebun itu dipercayai milik penduduk tempatan yang mengusahakan tanaman betik, cili, peria, pisang, limau kasturi dan beberapa jenis tanaman kontan lain.



SEORANG penternak melihat bangkai ikan patin dan tilapia yang mati di Kampung Jerantut Feri, Jerantut, Pahang. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

Lebih 20,000 ikan patin, tilapia mati

Oleh HARIS FADILAH AHMAD
utusannews@mediamula.com.my

JERANTUT: Kira-kira 10 orang pengusaha ikan sangkar Sungai Pahang di Kampung Jerantut Feri di sini berdepan kerugian kira-kira RM200,000 apabila lebih 20,000 ekor ikan air tawar mati.

Masing-masing menanggung kerugian antara RM50,000 hingga RM200,000 apabila hasil usaha mereka yang bakal dipasarkan bermula minggu depan dan bulan Ramadan ini semuanya mati di kawasan ternakan di perairan sungai kampung tersebut.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pengusaha ternakan ikan sangkar, Mohammad Nasir Zulkifli, 43, berkata, kira-kira 20,000 ekor ikan sangkar jenis patin dan tilapia yang dipelihara dalam enam sangkar daripada 17 sangkar yang diusahakannya mati dua hari lalu.

"Masih ada lagi ikan yang

mati semalam sejak hujan lebat dan paras air sungai ini naik mendadak beberapa hari lalu.

"Selepas air surut, saya melihat banyak ikan mati timbul di permukaan air dan saya tidak tahu punca sebenar kejadian ini, tetapi sebelum ini air sungai amat keruh dan berkeladak," katanya di sini semalam.

Menurut Mohammad Nasir, ikan patin dan tilapia itu bernilai antara RM10 hingga RM16 seekor dijangka boleh dipasarkan minggu depan memandangkan permintaan tinggi daripada peniaga luar dan orang ramai menjelang Ramadan tidak lama lagi.

Rakannya, Afzalrullah Isharum, 28, pula berkata, dia mula mencongak pendapatan apabila hasil ternakannya boleh dipasarkan minggu ini kerana saiz dan berat ikan sudah mencapai kematangan, iaitu anggaran berat antara 800 gram sehingga 1.2 kilogram.

Sindiket seludup beras India tumpas

Oleh NORHAYATI YAHAYA
utusannews@mediamula.com.my

PELABUHAN KLANG: Pasukan Gerakan Am (PGA) menumpaskan sindiket penyeludupan beras dari India membabitkan nilai RM2.6 juta dalam Op Kontraban di Jalan Telok Gadong di sini Sabtu lalu.

Dalam serbuan pukul 12.10 tengah malam di sebuah stor menemukan 26 tan beras pelbagai jenama semua dari India dengan nilai semasa berjumlah RM1,101,370 dan cukai RM1,460,604.

Bersama beras itu, PGA menahan tiga lelaki termasuk dua lelaki tempatan dengan seorang pemilik premis. Mereka berusia 26 hingga 38 tahun.

Pegawai Pemerintah Batalion 4 PGA, Superintenden Rizal Mohamed berkata, ketika serbuan ketiga-tiga lelaki berkenaan memungkah guni dari sebuah kontena ke dalam premis tersebut.

Menurut beliau, pemeriksaan menemukan 259 kampil beras, guni beras (78 kampil) dan kotak beras (60 kampil) yang semuanya dianggarkan seberat 13 tan.

Turut disita sebuah kontena. "Jumlah keseluruhan rampasan melibatkan beras yang tidak bercukai dan treler adalah lebih RM2.6 juta," kata beliau pada sidang akhbar di Padiberas Nasional Berhad (Bernas) di sini semalam.

Turut hadir Pengarah Kawal

Selia Bernas Selangor, Mohammad Ashik Abdul Rahman dan Ketua Pencegahan dan Pemantauan Bernas, Datuk Muhammad Shahril Muhammad Adzmin.

Rizal berkata, ketiga-tiga yang ditahan bekerja dengan sindiket tersebut manakala warga India yang juga dalam sindiket itu turut menjadi penjaga stor tersebut.

Jelasnya, lelaki warga India itu menetap di Malaysia sembilan tahun dan memperoleh upah RM3,000 sebulan sebagai orang tengah pembekal beras dari negara tersebut.

Sementara itu, Mohammad Ashik berkata, beras yang dirampas termasuk jenis Basmathi Pusa 1121 berkualiti tinggi.



RIZAL Mohamed (tiga dari kanan) menunjukkan rampasan pelbagai jenama beras yang tidak bercukai dengan anggaran berat 26 tan di Gudang Padiberas Nasional Berhad, Pelabuhan Klang, Selangor. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI